

NO. SOALAN: 97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan pandangan dan dasar Kerajaan terhadap cadangan penganjuran '*Miss Universe, Miss World* dan *Miss Malaysia Ambassador for Peace*' di Malaysia sebagai *host country*.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 'Miss Universe, Miss World dan Miss Malaysia Ambassador For Peace' adalah merupakan acara-acara anjuran pihak swasta dan sebarang penganjurannya di Malaysia perlu melalui kebenaran Kerajaan Tempatan dan tidak melalui Kementerian ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menyokong penganjuran acara sebegini kerana dilihat mampu memberi manfaat besar kepada aktiviti promosi dan pemasaran industri pelancongan negara terutama dari segi limpahan publisiti menerusi kunjungan ratu cantik dan delegasi asing dari seluruh dunia. Tambahan pula, di kala Kerajaan mengalamikekangan bajet dalam promosi dan pemasaran di luar negara, acara sebegini akan dapat mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan berjenama besar di peringkat antarabangsa dengan kos yang minimum kepada Kerajaan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.